

07 MAY 1997

Mahathir-Anwar

ANWAR TIDAK MENGAMBIL JALAN BERBEZA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak fikir yang timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim kadang kala secara terbuka mengambil pendirian yang berbeza terhadap isu-isu, sebaliknya Anwar hanya menyatakan sesuatu dengan cara yang berbeza.

Dr Mahathir berpendapat ini kerana kata-kata yang digunakan oleh Anwar lebih lembut tetapi pandangan Anwar memang sama dengan beliau.

"Beliau lebih akademik. Beliau suka memetik kata-kata, tetapi beliau menyatakan perkara yang sama. Saya hanya memberi pendapat. Saya tidak banyak membaca," kata Perdana Menteri dalam temuramah dengan majalah Asiaweek yang beribu pejabat di Hong Kong dalam keluaran terbarunya yang akan diedarkan mulai hari ini.

Ditanya sama ada beliau lebih suka Anwar tidak mengetepikan Timbalan Perdana Menteri masa itu (Tun) Ghafar Baba sebagai orang No. 2 dalam Umno pada 1993, Perdana Menteri menjawab: "Ya, saya suka Ghafar meneruskan. Tetapi jelas terdapat banyak bangkangan dan rasa tidak puas hati. Dan anggota-anggota parti melalui pelbagai cara menyatakan mereka mahukan perubahan. Jadi, sementara saya sedia mempertahankan Ghafar, saya mendapati saya tidak boleh menolak hasrat begitu banyak anggota parti.

" Memang saya menerimanya. Jelas sekali beliau mempunyai sokongan," kata Dr Mahathir apabila ditanya sama ada beliau telah menerima Anwar sebagai timbalan beliau. Anwar dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1 Dis 1993.

Kepada satu lagi soalan sama ada beliau senang hati dengan Anwar sekarang, Dr Mahathir yang pernah mempunyai dua orang lagi timbalan sebelum Anwar berkata, beliau tidak boleh menukar timbalan setiap masa.

" Saya fikir jika anda menukar timbalan anda banyak kali, ia kerana anda yang tidak betul dan bukan mereka. Saya mempunyai kayu ukur yang mudah untuk ini: jika anda tidak menyukai ramai orang, maka andalah yang tidak betul.

" Di sebaliknya, jika anda disukai oleh ramai orang, maka anda betul."

Asiaweek juga bertanya kepada Dr Mahathir sama ada beliau fikir jawatan Perdana Menteri yang dipegangnya sejak 16 tahun lepas adalah terlalu lama.

Kepada ini, beliau berkata mengikut pernilaiannya, mereka yang mahukan beliau melepaskan jawatan itu tidak sebanyak mana mereka yang mahukannya terus memegang jawatan itu.

Beliau berkata, orang ramai akan fikir yang beliau telah memegang jawatan itu terlalu lama tetapi satu perkara yang pasti iaitu jika sudah ditetapkan beliau akan melepaskan jawatan itu ia akan menjejaskan keupayaannya untuk memerintah negara.

Ini masalah di kebanyakan negara yang pemimpin-pemimpin hanya dibenarkan berkhidmat untuk satu penggal sahaja.

Beliau berkata, orang ramai tidak menghormati pemimpin satu penggal itu kerana pemimpin itu akan pergi juga tidak kira apa yang terjadi.

Tetapi Dr Mahathir mengulangi yang beliau tidak mahu memegang jawatan Perdana Menteri buat selama-lamanya.

Bercakap mengenai kuasa, Dr Mahathir berkata beliau tidak berminat sangat dengan kuasa tetapi mendapati ia sangat berguna untuk membuat perkara-perkara yang beliau mahu.

Kuasa itu penting bagi memimpin kerana jika pemimpin hanya menurut apa yang pengikut mereka mahu, maka dia bukanlah pemimpin yang baik, kata

beliau.

Beliau juga menekankan pentingnya pemimpin melahirkan idea-idea sepanjang masa.

Ditanya apa yang dianggap oleh beliau sebagai pencapaian terbesar beliau, jawapannya pendek dan ringkas: " Saya tidak tahu. Yang saya masih berada di sini merupakan satu pencapaian.

Dr Mahathir juga bersetuju dengan pendapat bahawa beliau menganggap kedudukannya sebagai Presiden Umno lebih penting daripada menjadi Perdana Menteri.

Katanya ini kerana beliau bergantung kepada parti, tanpanya "siapalah saya."

"Dan saya juga menganggap ucapan saya kepada Umno setiap tahun sebagai ucapan paling penting yang saya berikan, kerana ia menentukan hala tuju parti."

Dr Mahathir berkata tahun lepas beliau menggunakan kedudukannya sebagai presiden parti untuk mencegah wujudnya pertandingan bagi dua jawatan tertinggi dalam parti kerana sesuatu pertandingan hanya akan memecah-belahkan parti.

Pada pendapat beliau, tidak ada keuntungan yang akan diperolehi daripada pertandingan bagi kepimpinan parti kerana bagi beliau, apabila beliau menyerahkan parti kepada penggantinya, beliau mahu menyerahkan parti itu seluruhnya.

"Saya tidak mahu mempunyai parti yang berpecah-belah, kerana ini bermakna apabila pihak yang satu lagi menang dan dia memimpin parti, dia akan hanya memperolehi sebahagian daripada parti itu sahaja. Sebahagian lagi tidak akan bersama-samanya. Itu akan melemahkan parti," kata beliau.

-- BERNAMA

AU PR NMO